

POLISI KURNIA TRAVEL SUPREME

AmGeneral Insurance Berhad (selepas ini dirujuk sebagai Syarikat), bersetuju, tertakluk kepada terma-terma, pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung dalam polisi ini atau yang diendoraskan, bahawa sekiranya dalam Tempoh Insurans, mana-mana Orang Yang Diinsuranskan mengalami kerugian sebagaimana ditunjukkan di bawah Syarikat akan menanggung rugi Orang Yang Diinsuranskan sehingga tahap sebagaimana yang ditentukan.

HAD-HAD / LIPUTAN GEOGRAFI:

- (1) Kawasan 1: Adalah terhad kepada negara-negara berikut sahaja: Malaysia (Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya), Australia, Brunei, Kemboja, China (kecuali Mongolia & Tibet), Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea, Laos, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, dan Vietnam.
- (2) Kawasan 2: Seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat / Kanada.
- (3) Kawasan 3: Seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat / Kanada.

TEMPOH INSURANS

Di bawah Faedah 9A (Kehilangan Deposit atau Pembatalan) insurans berkuat kuasa sebaik sahaja Polisi atau Sijil Insurans ini dikeluarkan dan tamat sebaik sahaja bermulanya perjalanan yang dirancang dari Malaysia. Bagi Faedah-Faedah lain, insurans bermula sebaik sahaja Orang Yang Diinsuranskan meninggalkan tempat kediaman atau perniagaan di Malaysia (yang mana terkemudian) untuk memulakan perjalanan yang dirancang sehingga masa kepulangan beliau ke tempat kediaman atau perniagaan di Malaysia (yang mana terdahulu) apabila selesai perjalanan tersebut. Perjalanan tidak boleh dimulakan lebih daripada dua puluh empat (24) jam dari tempahan waktu berlepas atau tamat lebih daripada dua puluh empat (24) jam selepas tempahan waktu pulang ke Malaysia. Suatu perjalanan hendaklah melibatkan perjalanan balik ke Malaysia dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Polisi ini, kecuali bagi perjalanan sehala yang tamat dua puluh empat (24) jam dari jadual waktu ketibaan di destinasi terakhir di luar negara. Bagi perjalanan sehala yang meliputi mana-mana persinggahan hendaklah tidak melebihi satu (1) bulan. Orang Yang Diinsuranskan mestilah Warganegara Malaysia atau Permaisutain di Malaysia atau Pemegang Permit Kerja di Malaysia dan tanggungan mereka yang tinggal di Malaysia.

Insurans ini tidak sah bagi perjalanan yang melebihi tempoh seratus (100) hari berturut-turut bagi Pelan Perjalanan Tahunan / Polisi Tahunan dan seratus lapan puluh (180) hari berturut-turut bagi Pelan Satu Perjalanan.

Pelanjutan kepada Tempoh Insurans adalah tidak dibenarkan.

PELANJUTAN AUTOMATIK BAGI KELEWATAN PERJALANAN BALIK

Sekiranya berlaku kelewatan di luar kawalan Orang Yang Diinsuranskan, perjalanan balik tidak dapat dibuat sebelum tamat Tempoh Insurans, polisi ini akan kekal berkuat kuasa sehingga tiga puluh (30) hari tanpa dikenakan premium tambahan bagi tempoh tersebut atas alasan yang munasabah bagi melengkapkan perjalanan tersebut sekiranya

- (a) Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital disebabkan Penyakit yang serius atau kecederaan anggota badan akibat Kemalangan; atau
- (b) Orang Yang Diinsuranskan dikuarantinkan di luar negara seperti yang disyorkan oleh Pengamal Perubatan; atau
- (c) berlaku kelewatan yang tidak dapat dielak pada sistem pengangkutan awam berjadual yang dinaiki oleh Orang Yang Diinsuranskan (kecuali kerosakan mekanikal atau struktur pada mana-mana kenderaan darat kecuali kereta api / rel).

AmGeneral Insurance Berhad (44191-P)

Ahli Kumpulan AmBank

Menara Shell, No. 211, Jalan Tun Sambanthan, 50740, Kuala Lumpur, Malaysia.

Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 1-800-88-6333 Emel: customer@kurnia.com Laman Web: www.kurnia.com (No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Mukasurat 1 daripada 22

Orang Yang Diinsuranskan mestilah mengemukakan bukti berdokumen bagi membuktikan sebab-sebab berlakunya kelewatan tersebut.

DEFINISI

Kemalangan

bermaksud kejadian tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, kejadian luar biasa dan tertentu yang berlaku secara langsung pada masa dan tempat yang boleh dikenal pasti dan bebas daripada sebarang sebab lain, yang jelas membawa kepada Kecederaan anggota badan termasuk keracunan makanan.

Pelan Perjalanan Tahunan / Polisi Tahunan

bermaksud Polisi bagi perlindungan insurans dua belas (12) bulan untuk perjalanan Luar Negara. Walau bagaimanapun maksimum bagi setiap satu perjalanan adalah terhad kepada tempoh seratus (100) hari berturut-turut dari masa berlepas dari Malaysia.

Pelan Satu Perjalanan

bermaksud Polisi bagi perjalanan Luar Negara sehingga maksimum seratus lapan puluh (180) hari berturut-turut dari masa berlepas dari Malaysia.

Anak

bermaksud anak kandung / anak angkat yang sah / anak tiri di bawah tanggungan penuh Orang Yang Diinsuranskan yang belum bekerja dan belum berkahwin, berumur 30 hari hingga 18 tahun atau sehingga 23 tahun, sekiranya masih menuntut sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.

Pelan Keluarga

bermaksud anda, suami / isteri yang sah dan anak-anak anda yang diinsuranskan di bawah Polisi yang sama.

Pengangkutan Awam

bermaksud mana-mana pengendali berlesen dan berdaftar yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam berjadual untuk individu-individu yang mengembara sebagai penumpang berbayar dalam kenderaan sebagaimana dinyatakan di bawah:

- (a) Bas, teksi, koc, limousin lapangan terbang, feri, hoverkraf, hidrofoil, kapal laut, kereta api / rel, trem atau kereta api / rel bawah tanah; dan
- (b) Sebarang pesawat bersayap tetap yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial berlesen atau penerbangan tempahan berjadual dan helikopter yang beroperasi antara lapangan terbang komersial atau pangkalan helikopter yang sah dan diiktiraf.

Pemendekan Perjalanan

bermaksud memendekkan perjalanan dan pulang ke tempat kediaman di Malaysia bagi perjalanan yang dirancang selepas tiba di destinasi yang ditempah sebagaimana ditunjukkan dalam bil tempahan.

Rampasan / Perampasan

bermaksud tindakan merampas atau mengambil alih kawalan yang menyalahi undang-undang ke atas sesuatu kenderaan yang membawa penumpang dan anak kapal yang dinaiki oleh Orang Yang Diinsuranskan.

Hospital

bermaksud mana-mana institusi yang hanya ditubuhkan dan didaftarkan dengan sewajarnya sebagai sebuah hospital untuk penjagaan dan rawatan orang-orang sakit dan cedera di mana pesakit perlu membayar kos hospital dan yang:

- (a) mempunyai kemudahan untuk menjalankan diagnosis dan pembedahan besar,
- (b) menyediakan perkhidmatan kejururawatan 24 jam secara berterusan di bawah penyeliaan jururawat yang berdaftar dan bertauliah,
- (c) di bawah penyeliaan Pengamal Perubatan, dan
- (d) bukan klinik; tempat untuk penagih dadah atau alkohol; rumah penjagaan, rumah rehat atau rumah pemulihan atau rumah orang-orang tua atau institusi-institusi seumpamanya.

Kecederaan

bermaksud kecederaan anggota badan yang dialami oleh Pihak Yang Diinsuranskan sepanjang Tempoh Insurans yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh sesuatu Kemalangan.

Pihak / Orang Yang Diinsuranskan

bermaksud orang yang dinyatakan dalam Jadual Polisi dan termasuk Tanggungan mereka (jika berkenaan).

Penyakit

bermaksud keadaan fizikal yang ditandakan dengan penyimpangan patologi daripada keadaan kesihatan normal yang boleh dilihat dengan jelas dalam Tempoh Insurans, dan terkecuali daripada apa-apa Keadaan Pra-Wujud di mana Pihak Yang Diinsuranskan telah menerima rawatan perubatan, diagnosis, rundingan atau preskripsi ubat-ubatan.

Ahli Keluarga Terdekat

bermaksud suami / isteri, anak-anak, menantu lelaki, menantu perempuan, ibu bapa, ibu bapa mertua, datuk / nenek, datuk / nenek mertua, cucu, saudara lelaki, saudara perempuan, saudara ipar lelaki, saudara ipar perempuan.

Kehilangan Anggota Kaki dan Tangan

bermaksud kehilangan disebabkan pemisahan fizikal tangan atau kaki atau hilang keupayaan kekal keseluruhan penggunaan tangan dari atau atas pergelangan tangan atau kaki dari atau atas buku lali.

Kehilangan Penglihatan

bermaksud kehilangan penglihatan keseluruhan dan tidak akan pulih.

Pengamal Perubatan

bermaksud pengamal perubatan yang berdaftar, berlesen dan bertauliah untuk mengamalkan bidang Perubatan Barat dalam bidang kepakaran di kawasan geografi dan dalam bidang kuasa di mana perkhidmatan perubatan disediakan.

Wang

bermaksud wang tunai, nota bank atau mata wang atau cek kembara.

Keadaan Pra-wujud

bermaksud apa-apa keadaan perubatan Orang Yang Diinsuranskan:

- (a) yang telah menjalani diagnosis; atau
- (b) di mana wujud gejala-gejala yang akan menyebabkan orang biasa yang prihatin tentang soal kesihatan pergi mendapatkan diagnosis, penjagaan atau rawatan; atau
- (c) di mana rawatan perubatan disyorkan oleh Pengamal Perubatan, tanpa mengira sama ada rawatan sebenarnya telah diterima sebelum Tarikh Mula Polisi ini.

Hilang Upaya Kekal Menyeluruh

bermaksud hilang upaya fizikal akibat kecederaan dan bermula dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kecederaan anggota badan, Orang Yang Diinsuranskan hilang upaya secara menyeluruh, berterusan dan kekal yang berterusan selama dua belas (12) bulan dan dihalang daripada menjalankan tiga (3) atau lebih Aktiviti Kehidupan Sehari-hari sebagaimana dinyatakan di bawah ini yang biasanya dilakukan dalam kehidupan sehari-hari dan tiada harapan untuk pulih.

Aktiviti Kehidupan Sehari-hari

bermaksud

- (a) Pindahkan: Berupaya untuk duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal.
- (b) Mobiliti: Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal.
- (c) Pengawalan Diri: Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara semula jadi untuk kebersihan diri.
- (d) Memakai Pakaian: Menyarung dan menanggalkan semua pakaian tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- (e) Mandi / Membersihkan Diri: Keupayaan untuk mandi (meliputi pergerakan masuk atau keluar dari bilik mandi) atau membersihkan diri melalui apa jua cara.
- (f) Makan: Apa jua usaha untuk memasukkan makanan ke dalam badan sebaik sahaja ia disediakan.

Kandungan Isi Rumah

bermaksud perabot, lekapan, lengkapan, dan hiasan isi rumah, pakaian, dan barang-barang peribadi milik Orang Yang Diinsuranskan atau ahli keluarga atau pembantu rumah yang tinggal secara tetap dengan Orang Yang Diinsuranskan, tidak termasuk barangan antik, lukisan, artifak, objek seni atau bernilai intrinsik, manuskrip, sekuriti kewangan dalam apa jua bentuk, wang, setem, dokumen perjalanan, kad kredit, bon, kupon, instrumen boleh niaga, surat ikatan hak milik, lesen memandu dan kad pengenalan.

Kecederaan Serius atau Penyakit Serius

apabila merujuk kepada Orang Yang Diinsuranskan, bermaksud Orang Yang Diinsuranskan memerlukan rawatan daripada Pengamal Perubatan di hospital dan beliau dimasukkan ke hospital sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam berturut-turut dan disahkan oleh Pengamal Perubatan tersebut adalah tidak sihat untuk mengembara atau meneruskan rancangan perjalanan. Apabila merujuk kepada Ahli Keluarga Terdekat, ia akan bermaksud kecederaan atau Penyakit yang disahkan oleh Pengamal Perubatan adalah berbahaya yang boleh membawa maut dan beliau dimasukkan ke hospital sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam berturut-turut dan mengakibatkan rancangan perjalanan dibatalkan atau ditamatkan.

Kecurian

bermaksud kehilangan kekal harta benda:

- (i) di mana terdapat bukti berlaku kejadian pecah masuk ke dalam premis (jika berkenaan); atau
- (ii) di mana harta benda Orang Yang Diinsuranskan diambil atau cuba diambil secara paksaan dengan menyebabkan atau cuba untuk menyebabkan kematian, penahanan salah atau menimbulkan rasa ketakutan dan seumpamanya; atau
- (iii) di mana harta benda diambil secara paksa di mana-mana tempat yang boleh diakses oleh orang awam secara bebas. Perbuatan meragut sedemikian akan mengandungi unsur-unsur perlakuan yang dibuat secara senyap-senyap dan mengejut; atau
- (iv) di mana harta benda diambil daripada saku, beg atau dompet di mana-mana tempat yang boleh diakses oleh orang awam secara bebas. Perilaku sedemikian akan mengandungi unsur-unsur perlakuan yang dibuat secara senyap-senyap dan mengejut.

FAEDAH 1 – KEMALANGAN DIRI

Sekiranya berlaku kemalangan luaran yang serius dan nyata yang terjadi secara tunggal dan langsung tanpa kejadian lain yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan dalam Tempoh Insurans faedah-faedah berikut akan dibayar mengikut pelan yang dipilih:

- (A) Kematian akibat Kemalangan - 100%) daripada
- (B) Hilang Upaya Kekal Menyeluruh - 100%) Jumlah
- (C) Kehilangan satu atau lebih Tangan/Kaki atau - 100%) Diinsuranskan
kehilangan penglihatan satu atau kedua-dua belah Mata

PENGECUALIAN:

- (i) Keadaan Pra-Wujud.
- (ii) Kecederaan anggota badan yang dialami sebelum pembelian polisi dan yang boleh merebak selepas pembelian polisi.
- (iii) Bunuh diri (sama ada feloni atau tidak) dan / atau sebarang percubaan ugutan, kecederaan diri yang disengajakan dan / atau serangan yang didorong.

PERUNTUKAN

- (i) Tiada faedah akan dibayar:
 - (a) Di bawah (A) atau (B) melainkan kematian atau kehilangan berkenaan berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh kecederaan anggota badan.
 - (b) Di bawah (C) kecuali terdapat bukti kepada Syarikat bahawa hilang upaya tersebut telah berterusan selama dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh kecederaan dan dalam semua kebarangkalian akan berterusan sepanjang hayat Orang Yang Diinsuranskan.
- (ii) Jumlah maksimum bagi semua faedah yang boleh dibayar di bawah faedah ini dalam Tempoh Insurans tidak akan melebihi had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah.

FAEDAH 2 - PERUBATAN DAN PERBELANJAAN LAIN

Syarikat membayar balik / membayar Orang Yang Diinsuranskan atau Keluarga sehingga had sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah akibat Penyakit atau Kecederaan Anggota Badan akibat kemalangan yang berlaku dalam Tempoh Insurans.

FAEDAH 2A – Perbelanjaan Perubatan

Perbelanjaan perubatan, termasuk ke hospital, pembedahan dan rawatan [termasuk kos pembedahan kecemasan pergigian bagi mengurangkan kesakitan yang dialami secara tiba-tiba tidak termasuk penggantian gigi palsu] yang diperlukan di luar Malaysia termasuk Sabah / Sarawak bagi penduduk Semenanjung Malaysia dan sebaliknya yang membawa kepada tuntutan kecederaan anggota badan akibat Kemalangan atau Penyakit yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan dalam Tempoh Insurans.

FAEDAH 2B – Faedah Lawatan Ehsan (Akibat Pihak Diinsuranskan dihospitalkan Ketika Di Luar Negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan Sebaliknya)

Perbelanjaan tambahan penginapan dan perjalanan bagi seorang saudara atau rakan (sekiranya tiada orang dewasa Keluarga Terdekat bersama Orang Yang Diinsuranskan) yang diperlukan atas nasihat perubatan daripada Pengamal Perubatan yang merawat untuk menemani Orang Yang Diinsuranskan, tertakluk kepada had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Faedah kerana Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital akibat keadaan yang dilindungi.

Walau bagaimanapun, kami akan membayar perbelanjaan tambahan untuk penginapan dan perjalanan bagi seorang dewasa Ahli Keluarga Terdekat Orang Yang Diinsuranskan yang mengembara bersama dan perlu menjaga Orang Yang Diinsuranskan yang dimasukkan ke hospital akibat keadaan yang dilindungi.

FAEDAH 2C – Faedah Lawatan Ehsan (Akibat Kematian Pihak Diinsuranskan Ketika Di Luar Negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan Sebaliknya)

Perbelanjaan tambahan penginapan dan perjalanan bagi seorang saudara atau rakan yang diperlukan untuk membantu dalam urusan pengkebumian atau pembakaran mayat sekiranya kematian Orang Yang Diinsuranskan disebabkan oleh Kemalangan atau Penyakit ketika di luar negara yang berlaku dalam Tempoh Insurans, manakala ketika itu tiada orang dewasa Ahli Keluarga Terdekat bersama Orang Yang Diinsuranskan. Pembayaran balik adalah tertakluk kepada had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Faedah.

Walau bagaimanapun, kami akan membayar perbelanjaan tambahan untuk penginapan dan perjalanan bagi seorang dewasa Ahli Keluarga Terdekat Orang Yang Diinsuranskan yang mengembara bersama dan yang membantu dalam urusan pengkebumian atau pembakaran mayat Orang Yang Diinsuranskan akibat keadaan yang dilindungi.

Nota: Tuntutan dibayar sama ada di bawah Faedah 2B atau Faedah 2C, tetapi bukan kedua-duanya sekali dalam kejadian yang sama.

FAEDAH 2D – Rawatan Perubatan Lanjutan

Perbelanjaan perubatan, Hospital dan rawatan lanjutan / susulan yang diperlukan (termasuk kos ambulans persendirian atau yuran penjagaan jururawat profesional) yang ditanggung secara munasabah oleh Orang Yang Diinsuranskan di Malaysia dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas Orang Yang Diinsuranskan pulang dari luar negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya, di mana perbelanjaan tersebut berlaku akibat Kemalangan atau Penyakit semasa di luar negara yang berlaku dalam Tempoh Insurans sehingga had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah.

FAEDAH 2E – Perubatan Alternatif

Perbelanjaan rawatan perubatan alternatif yang diperlukan dan ditanggung akibat daripada Kemalangan sehingga had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah, di mana rawatan tersebut mestilah disediakan oleh pengamal perubatan tradisional, ahli osteopati, ahli fisioterapi dan / atau ahli kiropraktor yang berdaftar dengan syarat rawatan yang pertama telah dirawat oleh Pengamal Perubatan. Sebarang rawatan yang disediakan oleh Ahli Keluarga Terdekat Orang Yang Diinsuranskan akan dikecualikan. Semua tuntutan mestilah dikemukakan bersama dengan resit rasmi yang asal.

FAEDAH 2F – Faedah Penjagaan Anak

Perbelanjaan tambahan penginapan dan perjalanan bagi Ahli Keluarga Terdekat, saudara atau rakan (jika tiada orang dewasa yang menemani anak-anak Orang Yang Diinsuranskan) yang dibawa bersama oleh Orang Yang Diinsuranskan, sekiranya atas nasihat daripada Pengamal Perubatan yang merawat Orang yang Diinsuranskan untuk menemani anak-anaknya untuk pulang ke Malaysia jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital akibat Kemalangan atau Penyakit semasa di luar negara yang berlaku dalam Tempoh Insurans. Pembayaran balik adalah tertakluk kepada had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah.

Walau bagaimanapun, kami akan membayar perbelanjaan tambahan untuk penginapan dan perjalanan bagi seorang dewasa Ahli Keluarga Terdekat, saudara atau rakan Orang Yang Diinsuranskan yang mengembara bersama dan perlu menjaga anak-anak Orang Yang Diinsuranskan.

PENGECUALIAN BAGI FAEDAH 2 (PERUBATAN DAN PERBELANJAAN LAIN):

- (i) Rawatan perubatan di Malaysia kecuali sebagaimana dinyatakan.
- (ii) Rawatan atau pembedahan, atau caj tambahan bagi bilik persendirian, penginapan yang tidak diperlukan, kecuali diperlukan dari segi perubatan.
- (iii) Rawatan perubatan yang menjadi tujuan khusus bagi perjalanan.
- (iv) Keadaan Pra-Wujud.
- (v) Kehamilan, keguguran atau kelahiran bayi.
- (vi) Pertukaran pekerja ke luar negara sebagai sebahagian daripada pekerjaan dan tugas manual yang berkaitan dengan mana-mana perdagangan, pekerjaan atau profesion.
- (vii) Rawatan pembedahan, perubatan atau pergigian yang menurut pendapat Pengamal Perubatan yang merawat Orang Yang Diinsuranskan boleh ditangguhkan sewajarnya sehingga Orang Yang Diinsuranskan kembali ke Malaysia (kecuali sebagaimana dinyatakan secara khusus dalam FAEDAH 2D).
- (viii) Perjalanan Orang Yang Diinsuranskan bertentangan dengan nasihat yang diberi oleh Pengamal Perubatan atau untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan atau telah menghadapi sebarang penyakit berat atau hilang keupayaan bagi tempoh dua belas (12) bulan yang lepas.

FAEDAH 3 – ELAUN HOSPITAL

Bayaran sehingga had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah.

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital di luar negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya sebagai Pesakit dalaman disebabkan Kecederaan anggota badan akibat Kemalangan atau Penyakit yang dialami dalam Tempoh Insurans, Syarikat akan membayar faedah kepada Orang Yang Diinsuranskan sebagaimana dinyatakan di atas untuk setiap hari penuh penghospitalan untuk tempoh maksimum sehingga tiga puluh (30) hari.

PENGECUALIAN:

- (i) Kecederaan anggota badan yang dialami sebelum pembelian polisi dan dimana ianya boleh merebak selepas pembelian polisi.
- (ii) Rawatan atau bantuan yang diterima di Malaysia.
- (iii) Rawatan pembedahan atau perubatan yang menurut pendapat Pengamal Perubatan yang merawat Orang Yang Diinsuranskan boleh ditangguhkan sewajarnya sehingga Orang Yang Diinsuranskan kembali ke Malaysia.
- (iv) Keadaan Pra-Wujud.
- (v) Kehamilan, keguguran, atau kelahiran bayi.
- (vi) Perjalanan Orang Yang Diinsuranskan bertentangan dengan nasihat yang diberi oleh Pengamal Perubatan atau untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan atau telah menghadapi sebarang penyakit berat atau hilang keupayaan bagi tempoh dua belas (12) bulan yang lepas.

FAEDAH 4 – BAGASI DAN BARANGAN PERIBADI

Bayaran sehingga had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah.

Kehilangan atau kerosakan pada bagasi yang dibawa (tidak termasuk barangan makanan) dan / atau dibeli semasa dalam perjalanan (termasuk pakaian dan barangan milik peribadi yang dipakai atau dibawa dalam peti dan beg pakaian), yang berlaku semasa dalam perjalanan dan dimiliki oleh Orang Yang Diinsuranskan.

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan membuat pembelian untuk menggantikan barang hilang yang sama bandingnya, Syarikat akan membayar kos penggantian tersebut dengan syarat barangan hilang berkenaan hendaklah berusia tidak lebih daripada dua (2) tahun pada tarikh kehilangannya. Jika Orang Yang Diinsuranskan tidak dapat membuktikan usia barangan yang hilang dan jika barangan berkenaan berusia lebih daripada dua (2) tahun atau sekiranya barangan berkenaan tidak digantikan, Syarikat akan menentukan tuntutan tersebut berdasarkan nilai pembelian asal barangan berkenaan, tertakluk kepada susut nilai kerana haus dan lusuh atau kos pembaikan, yang mana lebih kurang.

Jika mana-mana barangan berkenaan ternyata tidak boleh dibaiki, tuntutan akan diuruskan di bawah Polisi ini seperti mana barangan tersebut telah hilang.

Sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana harta benda orang yang diinsuranskan yang membentuk sebahagian daripada pasangan atau set, liabiliti yang ditanggung oleh Syarikat tidak akan melebihi nilai perkadaran setimpal mana-mana bahagian pasangan atau set tersebut.

Syarikat tidak akan menanggung liabiliti yang melebihi RM500.00 bagi setiap barangan, pasangan atau set barangan tersebut.

Nota: Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh membuat tuntutan untuk kedua-dua Faedah 4 dan 6 bagi kejadian yang sama.

PENGECUALIAN:

- (i) Kehilangan atau kerosakan kepada setem, dokumen, kanta sentuh atau kanta kornea, kerosakan kepada barangan mudah pecah seperti kamera, telefon bimbit, PDA, cermin mata, Ipad, notebook, komputer, komputer riba dan seumpamanya, retakan, kecalaran atau kepecahan kaca, porselin, batu marmar, tembikar atau kulit kura-kura atau kepecahan mentol atau tiub kaca melainkan disebabkan oleh kebakaran, kecurian, pecah rumah, rompakan atau sebarang percubaan ancaman atau kemalangan kenderaan.
- (ii) Barang-barang perniagaan atau sampel.
- (iii) Haus dan lusuh secara normal, kerosotan beransur-ansur atau kerosakan mekanikal atau elektronik atau gangguan.
- (iv) Kos untuk menghasilkan semula data sama ada dalam bentuk pita, kad, dan cakera atau sebaliknya.
- (v) Kehilangan atau kerosakan harta di mana Orang Yang Diinsuranskan menerima bayaran pampasan daripada Syarikat Pengangkutan Awam atau pihak-pihak berkuasa lain.

FAEDAH 5 – KEHILANGAN WANG DAN / ATAU DOKUMEN PERJALANAN

Bayaran sehingga had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah.

- a) Kehilangan Wang dan / atau
- b) Kos bagi mendapatkan penggantian dokumen perjalanan yang diperlukan termasuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan tambahan untuk meneruskan dan melengkapkan perjalanan anda yang disebabkan oleh kecurian ketika berada di luar negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya dalam Tempoh Insurans adalah dilindungi di bawah Faedah ini dan bagi kehilangan sedemikian, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah melaporkan kepada pihak polis di tempat berlakunya kehilangan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas berlakunya kejadian berkenaan. Orang Yang Diinsuranskan mestilah mendapatkan satu laporan polis untuk menyokong tuntutan tersebut.

PENGEQUALIAN:

- (i) Kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh penanggungan, rampasan, penahanan oleh pihak kastam atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan.
- (ii) Kehilangan Wang dalam peti simpanan hotel tanpa unsur pecah masuk secara paksaan dan keganasan.
- (iii) Kehilangan Wang disebabkan kekurangan, kesilapan, peninggalan, pertukaran atau susut nilai.
- (iv) Kehilangan Wang / dokumen perjalanan akibat terbiar atau ditinggalkan di mana-mana tempat awam atau disebabkan kecauaian Orang Yang Diinsuranskan dalam menjaga dan mengambil langkah pencegahan bagi melindungi Wang / dokumen perjalanan.
- (v) Kehilangan atau kerosakan harta di mana Orang Yang Diinsuranskan menerima bayaran pampasan daripada Syarikat Pengangkutan Awam atau pihak-pihak berkuasa lain.
- (vi) Kehilangan atau kerosakan ketika dalam jagaan perkhidmatan penerbangan atau pengangkutan lain, kecuali jika dilaporkan serta-merta kehilangan tersebut. Bagi kehilangan membuatkan syarikat penerbangan 'Property Irregularity Report' adalah diperlukan.

WARANTI:

Wang hendaklah disimpan oleh Orang Yang Diinsuranskan pada sepanjang masa melainkan apabila disimpan di dalam peti keselamatan hotel.

FAEDAH 6 – KELEWATAN BAGASI

Bayaran sehingga had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah.

Syarikat akan membayar pembelian kecemasan bagi barangan keperluan seperti pakaian atau keperluan lain disebabkan oleh kelewatan bagasi bagi tempoh sekurang-kurangnya enam (6) jam berturut-turut atau lebih daripada masa ketibaan di destinasi luar negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya akibat arahan penghantaran yang salah sebagaimana disahkan oleh syarikat penerbangan atau perkapalan. Syarikat akan membayar RM250 bagi setiap kelewatan enam (6) jam penuh dan berturut-turut. Bukti pembelian diperlukan untuk menyokong tuntutan.

Nota: Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh membuat tuntutan untuk kedua-dua Faedah 4 dan 6 bagi kejadian yang sama.

FAEDAH 7 – KELEWATAN PERJALANAN

Bayaran sehingga had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah.

Sekiranya pesawat udara atau kapal laut atau Pengangkutan Awam yang dijadualkan bagi perjalanan Orang Yang Diinsuranskan telah lewat sekurang-kurangnya enam (6) jam berturut-turut pada mana-mana satu destinasi dari masa yang ditentukan dalam jadual yang diberikan kepada Orang Yang Diinsuranskan yang disebabkan oleh mogok, tindakan industri, keadaan cuaca buruk atau kerosakan mekanikal / gangguan pesawat udara atau kapal laut berkenaan atau disebabkan pesawat udara atau kapal laut terkandas akibat kerosakan mekanikal atau struktur, sebagaimana disahkan oleh syarikat penerbangan atau perkapalan, Syarikat akan membayar RM250 bagi setiap kelewatan enam (6) jam penuh berturut-turut (kelewatan dikira dari masa pesawat udara atau kapal laut berlepas sebagaimana ditetapkan dalam jadual perjalanan).

Sekiranya anda terlepas penerbangan sambungan pesawat berjadual yang disahkan di tempat pindahan disebabkan kelewatan ketibaan penerbangan sambungan pesawat berjadual anda yang disahkan akibat mogok, tindakan industri, keadaan cuaca buruk atau kerosakan mekanikal / gangguan pesawat udara atau disebabkan pesawat udara terkandas akibat kerosakan mekanikal atau struktur, sebagaimana disahkan oleh syarikat penerbangan, dan tiada pengangkutan alternatif tersedia untuk anda dalam tempoh empat (4) jam dari masa ketibaan sebenar penerbangan pesawat udara tersebut, Syarikat akan membayar RM250.

Jumlah jam kelewatan / terlepas penerbangan sambungan mestilah disahkan oleh operator sistem pengangkutan awam berjadual atau ejen-ejen pengendalinya. Bagi tuntutan kelewatan perjalanan, jika Orang Yang Diinsuranskan menerima bayaran pampasan sama ada penuh atau sebahagian daripada mana-mana sumber, maka faedah ini hanya akan dibayar tertakluk kepada lebihan jumlah yang diperolehi daripada sumber lain.

PENGECUALIAN:

Tuntutan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada:

- (i) Kegagalan Orang Yang Diinsuranskan untuk daftar masuk mengikut jadual yang diberikan dan kegagalan mendapat pengesahan bertulis berkenaan jumlah jam kelewatan dan sebab-sebab kelewatan.
- (ii) Mogok atau tindakan industri yang berlaku pada tarikh Orang Yang Diinsuranskan membeli insurans ini.
- (iii) Orang Yang Diinsuranskan terlewat tiba di lapangan terbang atau pelabuhan selepas daftar masuk atau masa masuk yang telah ditetapkan (kecuali bagi kelewatan yang disebabkan oleh mogok atau tindakan industri).
- (iv) Kerosakan mekanikal atau struktur pada mana-mana kenderaan darat (kecuali kereta api / rel).

FAEDAH 8 – LIABILITI DIRI

Bayaran sehingga had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah.

Menanggung liabiliti Orang Yang Diinsuranskan terhadap tuntutan pihak ketiga yang berlaku dalam Tempoh Insurans yang disebabkan oleh:

- (a) Kecederaan anggota badan tidak disengajakan kepada pihak ketiga.
- (b) Kehilangan atau kerosakan tidak disengajakan kepada harta pihak ketiga.

Orang Yang Diinsuranskan juga diberi indemniti bagi:

- (a) Kos dan perbelanjaan pihak ketiga yang boleh dituntut daripada Orang Yang Diinsuranskan.
- (b) Kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan dengan kebenaran bertulis daripada Syarikat.

PENGECUALIAN:

Tuntutan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- (i) Liabiliti Majikan, Liabiliti Kontrak atau liabiliti ke atas ahli keluarga Orang Yang Diinsuranskan.
- (ii) Haiwan kepunyaan, atau dalam peliharaan, jagaan atau kawalan Orang Yang Diinsuranskan.
- (iii) Sebarang tindakan yang disengajakan, berniat jahat atau menyalahi undang-undang.
- (iv) Penglibatan dalam perdagangan, perniagaan atau pekerjaan.

- (v) Pemilikan atau sebagai penghuni tanah atau bangunan (selain daripada mana-mana tempat kediaman sementara).
- (vi) Pemilikan atau penggunaan kenderaan, pesawat udara atau kapal air.
- (vii) Pendakian gunung, perlumbaan meluncur dalam acara-acara utama, terjun luncur, hoki ais, penggunaan bobsleighs atau rangka, menunggang atau memandu dalam perlumbaan atau rali atau penggunaan senjata api.
- (viii) Kos undang-undang yang timbul daripada apa-apa prosiding jenayah.
- (ix) Penghakiman yang bukan pertama kali diberi oleh atau diterima daripada mahkamah bidang kuasa kompeten di Malaysia.

SYARAT-SYARAT YANG TERPAKAI KEPADA FAEDAH 8

Melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Syarikat tiada sesiapa berhak untuk mengakui liabiliti bagi pihak mereka atau memberi apa-apa kenyataan atau persetujuan. Syarikat berhak untuk mengendalikan semua prosiding yang timbul daripada atau berkaitan dengan tuntutan atas nama Orang Yang Diinsuranskan dan untuk mengarahkan peguam-peguam yang mereka pilih bagi melaksanakan tujuan ini.

FAEDAH 9 – KEHILANGAN DEPOSIT ATAU PEMBATALAN / PEMENDEKAN PERJALANAN

Bayaran sehingga had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah.

FAEDAH 9A - Kehilangan Deposit Atau Pembatalan

Kehilangan deposit yang tidak dapat ditebus atau bayaran yang dibuat terlebih dahulu atau bayaran yang perlu dibayar untuk faedah Orang Yang Diinsuranskan sahaja sekiranya terjadi pembatalan yang tidak dapat dielak atau dianggap perlu oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat daripada sebab-sebab diluar kawalan Orang Yang Diinsuranskan yang berlaku selepas insurans ini berkuat kuasa yang disebabkan oleh mana-mana satu kejadian berikut:

- (a) Kematian, Kecederaan Serius atau Penyakit Serius ke atas Orang Yang Diinsuranskan dan / atau Ahli Keluarga Terdekat mereka. Sijil kematian mesti diperolehi atau keterangan secara bertulis mestikan diperolehi daripada Pengamal Perubatan yang merawat Orang Yang Diinsuranskan dan / atau Ahli Keluarga Terdekat dan mengesahkan perjalanan yang dirancang harus dibatalkan disebabkan oleh Kecederaan Serius atau Penyakit Serius.
- (b) Meletusnya kejadian mogok, rusuhan atau kekecohan awam yang tidak dijangka dan berlaku di luar kawalan Pihak Yang Diinsuranskan di destinasi yang dirancang.
- (c) Saman saksi, yang tidak diketahui oleh anda sebelum membeli insurans ini.
- (d) Kerosakan serius kepada tempat kediaman tetap Orang Yang Diinsuranskan di Malaysia disebabkan kebakaran, banjir atau bencana alam seumpamanya yang berlaku seminggu sebelum tarikh perjalanan dan kehadiran anda di premis tersebut diperlukan pada tarikh mula perjalanan.

FAEDAH 9B - Pemendekan Perjalanan

Bayaran balik mengikut perkadaran yang setimpal dengan perbelanjaan yang telah dibayar untuk percutian yang dirancang dan tidak boleh dipulangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam bil tempahan, dikira atas dasar pro rata dari tarikh ketibaan di Malaysia bagi kerugian percutian yang dirancang untuk setiap hari penuh, disebabkan Pemendekan Perjalanan percutian dirancang yang tidak dapat dielakkan (sebagaimana ditentukan) atas sebab salah satu daripada kejadian-kejadian berikut:

- (a) Orang Yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan Serius atau Penyakit Serius dan atas nasihat perubatan.

- (b) Kematian yang tidak dijangka, Kecederaan Serius atau Penyakit Serius yang berlaku ke atas Ahli Keluarga Terdekat Orang Yang Diinsuranskan atau orang yang mengembara bersama Orang Yang Diinsuranskan.
- (c) Rampasan kapal terbang di mana Orang Yang Diinsuranskan menaikinya sebagai penumpang berbayar.
- (d) Bencana alam yang menghalang Orang Yang Diinsuranskan daripada meneruskan perjalanan yang dirancang.
- (e) Kerosakan serius kepada kediaman tetap Orang Yang Diinsuranskan di Malaysia disebabkan kebakaran, banjir atau bencana alam yang seumpamanya, yang memerlukan kehadiran Orang Yang Diinsuranskan di premis berkenaan.
- (f) Meletusnya kejadian mogok, rusuhan atau kekecohan awam yang tidak dijangka semasa perjalanan yang berlaku di luar kawalan Orang Yang Diinsuranskan di destinasi yang dirancang yang boleh membahayakan nyawa Orang Yang Diinsuranskan.

Perlu diingatkan bahawa sijil perubatan hendaklah diperolehi daripada Pengamal Perubatan yang merawat Orang Yang Diinsuranskan bagi mengesahkan kepulangan Orang Yang Diinsuranskan ke Malaysia adalah atas sebab Kecederaan Serius atau Penyakit Serius.

Nota: Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh membuat tuntutan di bawah kedua-dua FAEDAH 9A dan 9B bagi mana-mana satu kejadian.

PENGECUALIAN:

Tuntutan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- (i) Keperluan, peraturan atau akta mana-mana kerajaan, kelewatan atau pindaan jadual perjalanan yang ditempah, atau kegagalan dalam peruntukan mana-mana bahagian perjalanan yang ditempah (termasuk kesilapan, pengabaian atau pemungkiran) oleh penyedia atau mana-mana pihak yang menyediakan perkhidmatan bagi percutian yang ditempah serta ejen atau pengendali pelancongan di mana percutian ini ditempah.
- (ii) Keberatan untuk mengembara atau kedudukan kewangan mana-mana Orang Yang Diinsuranskan.
- (iii) Sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang atau prosiding jenayah mana-mana Orang Yang Diinsuranskan yang membuat tempahan perjalanan melainkan anda disepina sebagai saksi di Mahkamah.
- (iv) Kegagalan untuk memaklumkan kepada ejen perjalanan atau pengendali pelancongan atau penyedia pengangkutan atau penginapan dengan serta-merta sebaik sahaja timbul keperluan untuk membatalkan atau memendekkan perjalanan.
- (v) Perniagaan anda, kewangan atau obligasi kontrak atau teman perjalanan anda.

FAEDAH 10 – RAMPASAN

Bayaran sehingga had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah.

Sekiranya pesawat udara atau kapal laut atau kereta api / rel yang dinaiki oleh Orang Yang Diinsuranskan semasa perjalanan dirampas atau tertakluk kepada kawalan orang-orang atau sekutu-sekutu mereka yang membuat rampasan, Syarikat akan membayar sebagaimana ditentukan dalam Jadual Faedah dengan syarat bahawa:

- (a) Rampasan berkenaan mestilah melebihi dua puluh empat (24) jam penuh dan berturut-turut dan RM1,250 akan dibayar bagi setiap dua puluh empat (24) jam penuh dan berturut-turut.
- (b) Dokumen rasmi daripada syarikat penerbangan atau pengangkutan, pihak polis atau tentera hendaklah dikemukakan sebagai sokongan bagi mana-mana tuntutan yang dibuat di bawah faedah ini yang menyatakan tarikh, masa dan tempoh rampasan.
- (c) Orang Yang Diinsuranskan atau ahli keluarga bukan sebahagian daripada anggota perampas.

FAEDAH 11 – PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN DAN PENGHANTARAN BALIK

Syarikat akan menguruskan dan membayar perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan bagi pengangkutan kecemasan dan penjagaan perubatan dalam perjalanan untuk memindahkan Orang Yang Diinsuranskan yang berada dalam keadaan kritikal disebabkan oleh Kemalangan atau Penyakit semasa berada di luar negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya dari Hospital yang mula-mula dimasukkan ke Hospital yang terdekat di mana kemudahan dan rawatan tersedia ada. Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital di luar negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya dan adalah perlu dari segi perubatan untuk Orang Yang Diinsuranskan dihantar balik ke Malaysia untuk rawatan lanjutan, Syarikat akan menguruskan dan membayar kos penghantaran balik yang munasabah dan diperlukan termasuk kos pengangkutan yang munasabah bagi seorang pembantu perubatan berkelayakan untuk menemani Orang Yang Diinsuranskan. Syarikat akan membayar sehingga had maksimum yang ditentukan dalam Jadual bagi faedah ini tertakluk kepada peruntukan, pengecualian dan syarat-syarat Polisi.

Syarikat telah melantik Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. sebagai penyedia perkhidmatan dua puluh empat jam (24) bagi Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Balik ketika Orang Yang Diinsuranskan berada di luar negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya. Selain itu, Orang Yang Diinsuranskan juga boleh menghubungi Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. untuk mendapatkan nasihat perubatan melalui telefon, rujukan penyedia perkhidmatan perubatan dan inokulasi serta maklumat keperluan visa sebelum perjalanan.

Sekiranya berlaku pemindahan perubatan kecemasan dan penghantaran balik, Orang Yang Diinsuranskan mestilah menghubungi Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. di talian +603-7841 5750 / +603-7628 3770 untuk mendapatkan bantuan dan

- (a) Syarikat atas nasihat Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. dalam melaksanakan pemindahan perubatan kecemasan dan penghantaran balik, kedua-dua pihak mempunyai hak mutlak untuk membuat keputusan sama ada Orang Yang Diinsuranskan mengalami keadaan perubatan yang kritikal dan serius akibat Kemalangan atau Penyakit untuk mewajarkan pemindahan perubatan dan penghantaran balik. Syarikat dan Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. selanjutnya berhak untuk memutuskan tempat ke mana Orang Yang Diinsuranskan akan dipindahkan dan cara atau kaedah pengangkutan yang akan digunakan.
- (b) Syarikat melalui Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. akan sedaya upaya atas dasar usaha terbaik menyediakan perkhidmatan dan tertakluk kepada ketersediaan sumber tempatan dan / atau antarabangsa dan mengikut bidang undang-undang antarabangsa dan peraturan negara tersebut. Campur tangan boleh bergantung pada Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. dalam mendapatkan kebenaran yang perlu dikeluarkan oleh beberapa pihak berkuasa berkaitan yang berada di luar kawalan atau pengaruh Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd.
- (c) Syarikat tidak boleh menyediakan perkhidmatan kepada Orang Yang Diinsuranskan, yang pada pendapat mutlak Syarikat dan Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. berada di kawasan di mana keadaan semasanya memustahilkan perkhidmatan diberi, agak tidak sesuai dilaksanakan atau tidak selamat, termasuk tetapi tidak terbatas kepada lokasi geografi terpencil, keadaan cuaca yang buruk, risiko peperangan atau pergolakan politik.
- (d) Syarikat tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan dalam apa cara sekalipun sekiranya berlaku sebarang kegagalan oleh Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. untuk memberikan perkhidmatan atau apa-apa kecuaihan, yang disengajakan atau tidak disengajakan di pihak Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. dalam memberikan perkhidmatan.

- (e) Dalam hal penyedia perkhidmatan berhenti untuk menyediakan perkhidmatan, Syarikat berhak untuk melantik penyedia perkhidmatan lain bagi menyambung penyediaan perkhidmatan berkenaan.
- (f) Faedah ini tidak dijamin dan Syarikat berhak untuk menyemak semula, menggantung, memansuhkan atau membatalkan faedah ini pada bila-bila masa dengan menghantar notis bertulis yang sama kepada Orang Yang Diinsuranskan di alamat yang terakhir diketahui sebagaimana yang dimaklumkan kepada Syarikat. Dalam keadaan sedemikian, premium akan diselaraskan dengan sewajarnya, sekiranya difikirkan perlu oleh Syarikat.

FAEDAH 12 – PENGHANTARAN BALIK JENAZAH

Sekiranya berlaku kematian akibat Kemalangan atau Penyakit ke atas Orang Yang Diinsuranskan dalam Tempoh Insurans dan berlaku di luar negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya, Syarikat akan membayar caj yang munasabah bagi urusan pengkebumian atau pembakaran mayat di tempat di mana berlaku kematian Orang Yang Diinsuranskan. Kos-kos lain yang munasabah untuk menghantar jenazah atau abu ke Malaysia termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya juga akan dibayar, tertakluk kepada had maksimum sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah.

PENGECCUALIAN:

Tuntutan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- (i) Sebarang perbelanjaan yang ditanggung bagi perkhidmatan yang disediakan oleh pihak lain, di mana Orang Yang Diinsuranskan tidak berkewajipan untuk membayar, dan
- (ii) Sebarang perbelanjaan bagi perkhidmatan yang tidak diluluskan oleh Syarikat,

FAEDAH 13 – LEBIHAN PENEMPAHAN PENERBANGAN

Syarikat akan membayar RM200 untuk setiap enam (6) jam penuh dan berturut-turut atas kelewatan sehingga had maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Faedah, sekiranya Orang Yang Diinsuranskan tidak dibenarkan menaiki pesawat pengangkutan udara komersial berjadual akibat lebihan tempahan, dan tiada pengangkutan gantian yang diberi kepada beliau dalam tempoh enam (6) jam penuh dan berturut-turut dari masa pelepasan asal pesawat yang dinyatakan dalam jadual penerbangan bercetak.

PENGECCUALIAN:

Tuntutan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- (i) Perjalanan diuruskan melalui ejen perjalanan yang tidak berlesen,
- (ii) Ketiadaan pengesahan bertulis daripada syarikat Pengangkutan Udara atau ejen-ejen yang mengendalikannya bagi mengesahkan tiket tersebut terlebih tempahan.

FAEDAH 14 – TERLEPAS PENERBANGAN

Syarikat akan membayar sehingga had maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Faedah, bagi perbelanjaan tambahan yang munasabah bagi penginapan dan perjalanan yang ditanggung sewaktu perjalanan balik ke Malaysia termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya disebabkan kerosakan mekanikal pada perkhidmatan Pengangkutan Awam, dan menyebabkan Pihak Yang Diinsuranskan tidak dapat sampai ke pelabuhan berlepas, lapangan terbang atau stesen kereta api / rel sebagaimana dinyatakan dalam tiket.

Orang Yang Diinsuranskan mestilah mendapatkan pengesahan bagi kerosakan mekanikal secara bertulis daripada syarikat Pengangkutan Awam atau ejen-ejen yang mengendalikannya.

PENGECUALIAN:

Tuntutan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- (i) Kegagalan Orang Yang Diinsuranskan untuk daftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan mengikut jadual perjalanan yang diberikan kepada Orang Yang Diinsuranskan.
- (ii) Kelewatan tiba di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan selepas waktu daftar masuk atau membuat tempahan.

FAEDAH 15 – PENGALIHAN PERJALANAN

Syarikat akan membayar jumlah sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah bagi kelewatan Pengangkutan Awam berjadual untuk tempoh enam (6) jam penuh dan berturut-turut, akibat laluan penerbangan diubah dari masa asal yang dijadualkan sebagaimana dinyatakan dalam jadual penerbangan yang dicetak disebabkan mogok atau tindakan industri, keadaan cuaca buruk atau kerosakan mekanikal.

PENGECUALIAN:

Tuntutan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- (i) Mogok atau tindakan industri yang berlaku pada tarikh Pihak Yang Diinsuranskan membeli insurans ini.
- (ii) Kegagalan Pihak Yang Diinsuranskan untuk mendapatkan pengesahan bertulis daripada syarikat Pengangkutan Awam atau ejen-ejen pengendalinya mengenai jumlah jam kelewatan dan sebab-sebab kelewatan berkenaan.
- (iii) Kelewatan tiba ke destinasi akibat kelewatan Pengangkutan Awam untuk berlepas.

FAEDAH 16 – TABUNG PENDIDIKAN ANAK

Syarikat akan membayar jumlah sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah, sekiranya berlaku kematian ke atas Pihak Yang Diinsuranskan di luar negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya dalam Tempoh Insurans akibat Kemalangan dan mempunyai Anak tanggungan pada tarikh Kemalangan.

FAEDAH 17 – INDEMNITI KAD KREDIT (KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN)

Syarikat akan membayar balik perbelanjaan kad kredit yang dibelanjakan oleh Pihak Yang Diinsuranskan di luar negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya yang belum dijelaskan, sekiranya Pihak Yang Diinsuranskan meninggal dunia akibat Kemalangan di luar negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya dalam Tempoh Insurans.

FAEDAH 18 – ISI KANDUNGAN RUMAH

Sekiranya Pihak Yang Diinsuranskan menanggung kerugian fizikal atau kerosakan kepada Isi Kandungan Rumah beliau di kediaman tetap beliau di Malaysia termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya yang ditinggalkan tanpa berpenghuni sewaktu ke luar negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya, akibat Kebakaran atau Kecurian dalam Tempoh Insurans, maka Syarikat akan membayar balik kerugian sehingga had maksimum sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah.

PENGECCUALIAN:

Tuntutan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- (i) Kehilangan atau kerosakan yang disengajakan atau dengan penglibatan Pihak Yang Diinsuranskan itu sendiri.
- (ii) Kehilangan (sama ada sementara atau kekal) harta Pihak Yang Diinsuranskan atau mana-mana bahagian daripadanya akibat dirampas, dituntut, ditahan atau pendudukan sah atau tidak sah ke atas harta tersebut atau mana-mana premis, kenderaan atau barangan yang mengandungi maksud yang serupa oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan.
- (iii) Apa jua bentuk kerugian atau kerosakan berbangkit.
- (iv) Kegunaan perniagaan atau profesional berhubung dengan peralatan fotografi dan aksesori dan peralatan sukan dan peralatan muzik.
- (v) Kenderaan bermotor, bot, haiwan ternakan, basikal dan apa-apa kelengkapan atau aksesori yang berkaitan dengannya.
- (vi) Kerugian yang boleh diperolehi semula daripada mana-mana insurans lain yang diambil oleh Pihak Yang Diinsuranskan bagi melindungi Isi Kandungan Rumah anda.

FAEDAH 19 – KERUGIAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN HOTEL

Syarikat akan membayar jumlah setiap hari dan maksimum lima belas (15) hari sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah, disebabkan ketiadaan penginapan hotel yang telah dibayar terlebih dahulu berhubung dengan perbelanjaan tambahan yang ditanggung bagi penginapan alternatif, akibat kebakaran, banjir, rusuhan, mogok atau tindakan industri di hotel yang ditempah dalam Tempoh Insurans sewaktu Pihak Yang Diinsuranskan berada di luar negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya.

Untuk layak mendapatkan faedah ini, Pihak Yang Diinsuranskan mestilah mendaftar masuk mengikut jadual penginapan asal. Sekiranya Pihak Yang Diinsuranskan dihalang daripada mendaftar masuk bagi penginapan hotel yang telah ditempah terlebih dahulu akibat kontingensi yang tersebut di atas, Pihak Yang Diinsuranskan mestilah mendapatkan pengesahan bertulis daripada hotel atau ejen-ejen pengendalian yang menyatakan tempoh dan sebab-sebab yang mewajarkan penginapan alternatif dicari.

PENGECCUALIAN:

Tuntutan-tuntutan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada kebakaran, banjir, rusuhan, mogok atau tindakan industri yang telah berlaku atau telah diumumkan pada atau sebelum tarikh Polisi ini dikeluarkan.

FAEDAH 20 – PERLINDUNGAN EKSES KENDERAAN SEWA

Syarikat akan membayar balik sehingga had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah, bagi sebarang eksekusi atau potongan yang dikenakan di mana Pihak Yang Diinsuranskan dipertanggungjawabkan di sisi undang-undang di bawah kontrak sewaan kenderaan sewaktu berada di luar negara termasuk Sabah / Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya berlaku Kemalangan kepada kenderaan yang disewa dalam Tempoh Insurans.

Dengan syarat:

- (i) Kenderaan sewaan berkenaan disewa daripada agensi / syarikat sewaan berlesen.
- (ii) Sebagai sebahagian daripada perjanjian sewaan, Pihak Yang Diinsuranskan mestilah membeli insurans motor komprehensif sebagai perlindungan terhadap kehilangan atau kerosakan ke atas kenderaan sewaan dalam tempoh penyewaan.

- (iii) Pihak Yang Diinsuranskan mestilah mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh agensi / syarikat sewaan di bawah perjanjian sewa dan Syarikat Insurans kenderaan sewa tersebut serta undang-undang, perintah dan peraturan negara tersebut.
- (iv) Kenderaan sewa mestilah disewa oleh Pihak Yang Diinsuranskan atau mana-mana Ahli Keluarga Terdekat yang dinamakan sebagai Pihak Yang Diinsuranskan di bawah Sijil Insurans dan mestilah memegang lesen yang sah di sisi undang-undang untuk memandu kenderaan sewa dengan syarat Pihak Yang Diinsuranskan dan Ahli Keluarga Terdekat tidak dilucutkan kelayakan oleh mana-mana perintah Mahkamah atau tidak dibenarkan oleh sebarang undang-undang, enakmen, perintah atau peraturan daripada menyewa dan memandu pada sepanjang masa.

PENGECUALIAN:

Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- (i) Kerugian atau kerosakan akibat pengendalian kenderaan sewa yang melanggar terma-terma perjanjian sewaan atau kerugian atau kerosakan yang berlaku melampaui had mana-mana jalan raya awam atau melanggar undang-undang, perintah dan peraturan negara berkenaan.
- (ii) Kerugian atau kerosakan kenderaan yang disewa bukan disebabkan oleh Kemalangan.

FAEDAH 21 – KOS TAMBAHAN PEMULANGAN KERETA SEWA

Syarikat akan membayar balik sehingga had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah, sekiranya Pihak Yang Diinsuranskan menanggung kos tambahan bagi kenderaan sewa kerana tidak dapat memulangkan kenderaan yang disewa kepada agensi / syarikat sewaan berlesen di depot sewaan terdekat, akibat Kecederaan atau Penyakit yang memerlukan Pihak Yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital dalam Tempoh Insurans.

Faedah ini hanya terpakai sekiranya Pihak Yang Diinsuranskan bertanggungjawab ke atas kos tersebut di bawah perjanjian sewaan.

PENGECUALIAN:

Tuntutan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- (i) Kegagalan untuk mematuhi semua syarat dalam perjanjian sewaan.
- (ii) Mengambil bahagian atau terlibat dalam apa jua bentuk aktiviti berkaitan kelajuan atau percubaan masa.
- (iii) Tidak mempunyai lesen sepenuhnya untuk memandu kenderaan yang disewa.

FAEDAH 22 – CAJ KECEMASAN TELEFON BIMBIT

Syarikat akan membayar balik caj-caj panggilan telefon bimbit antarabangsa Pihak Yang Diinsuranskan sehingga had Setiap Orang Yang Diinsuranskan dan had Setiap Keluarga sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah, sekiranya Pihak Yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan atau Penyakit yang memerlukan Pihak Yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital dalam Tempoh Insurans. Pihak Yang Diinsuranskan mestilah mengemukakan resit untuk mendapatkan pembayaran balik daripada Syarikat.

PENGECUALIAN AM TERPAKAI KEPADA SEMUA FAEDAH

Polisi ini tidak melindungi sebarang kerugian atau tuntutan yang disebabkan atau akibat daripada:

1. Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berlaku atas sebab atau diakibatkan oleh:
 - (a) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, rampasan kuasa pihak tentera atau perampasan atau nasionalisasi atau pengambilan atau pemusnahan atau kerosakan kepada harta benda oleh atau di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa tempatan atau rusuhan atau kekecohan awam.
 - (b) Pihak Yang Diinsuranskan terlibat dalam sukan atau permainan secara profesional atau mendapat pendapatan atau penggajian.
 - (c) Kemalangan sewaktu terlibat dalam perlumbaan, perlumbaan motor rali dan pertandingan, mendaki gunung (memerlukan penggunaan tali atau jurupandu), memanjat batu, mengembara atau merentasi kawasan terpencil melainkan ditemani oleh penunjuk arah berlesen, sebarang aktiviti yang melibatkan Pihak Yang Diinsuranskan berada di udara (sama ada tergantung atau tidak) tidak terhad kepada aktiviti-aktiviti payung terjun, penerokaan lubang / jurang gua, peluncuran gantung, lompatan bungee, sukan terjun udara, aktiviti bawah air yang memerlukan penggunaan radas pernafasan (kecuali aktiviti menyelam skuba yang dilakukan untuk aktiviti masa lapang), memburu, seni mempertahankan diri, gusti, tinju dan menunggang kuda (yang dilakukan untuk aktiviti masa lapang).
 - (d) Kecederaan atau penyakit yang disengajakan, gila, penyakit kelamin, Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC), kesan atau pengaruh sementara atau sebaliknya ke atas alkohol atau ubat (selain daripada ubat yang diambil mengikut preskripsi perubatan dan dibenarkan oleh Pengamal Perubatan, tetapi bukan untuk rawatan bagi ketagihan dadah), mendedahkan diri kepada keadaan bahaya (melainkan percubaan untuk menyelamatkan nyawa).
 - (e) Pembelahan nuklear, pelakuran nuklear atau pencemaran radioaktif.
 - (f) Sinaran pengionan atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada apa-apa sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear.
 - (g) Kegagalan untuk mendapatkan penyuntikan vaksin yang diperlukan sebelum berlepas.
2. Berhubung dengan apa-apa harta benda yang diinsuranskan secara lebih khusus atau sebarang tuntutan walaupun dengan kewujudan insurans ini masih diperolehi semula di bawah mana-mana insurans lain.
3. Tuntutan-tuntutan atau kejadian-kejadian yang boleh membawa kepada tuntutan tidak dimaklumkan terus secara bertulis kepada AmGeneral Insurance Berhad dalam tempoh tiga puluh satu (31) hari daripada tarikh kemalangan / kejadian.
4. Perjalanan Pihak Yang Diinsuranskan bertentangan dengan nasihat yang diberi oleh Pengamal Perubatan atau untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan atau telah menghadapi sebarang Penyakit kritikal atau hilang upaya bagi tempoh dua belas (12) bulan kalendar yang lepas.
5. Pihak Yang Diinsuranskan membuat penerbangan atau perjalanan selain daripada sebagai penumpang berbayar syarikat penerbangan awam berlesen atau pesawat tempahan berlesen pada laluan yang dijadualkan dan helikopter.
6. Pihak Yang Diinsuranskan terlibat dalam sebarang aktiviti berkaitan dengan tentera laut, tentera darat atau tentera udara atau polis, kerja manual, luar pesisir pantai, anak kapal, perlombongan, mengendalikan bahan letupan, penyelam atau sukan profesional dan krew kapal terbang.

7. Keadaan pra-wujud, kehamilan, kelahiran bayi, keguguran, penguguran dan semua komplikasi yang berkaitan, penyakit atau gangguan yang bersifat psikologi, tidak siuman, apa-apa keadaan keresahan dan/atau kemurungan, penyakit mental.
8. Apa-apa kerugian akibat tukaran wang daripada apa-apa dan segala jenis.

SYARAT-SYARAT AM

1. TAFSIRAN

Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang pernyataan, kenyataan, waranti, perjanjian secara langsung atau tidak langsung, selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini dan sebarang ungkapan dan makna khususnya yang telah dinyatakan dalam mana-mana bahagian polisi atau jadual ini hendaklah membawa maksud khusus sedemikian dimana jua ia mungkin dicatat.

2. KEPADA SIAPA INDEMNITI DIBAYAR

Indemniti bagi kehilangan nyawa Pihak Yang Diinsuranskan perlu dibayar kepada wasi atau penama, atau wakil sah Pihak Yang Diinsuranskan. Semua indemniti lain Polisi ini perlu dibayar kepada Pihak Yang Diinsuranskan.

3. PEMATUHAN SYARAT-SYARAT

Pihak / Orang Yang Diinsuranskan seharusnya mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat mana ia berhubung kait dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak / Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menjadi syarat dahulu kepada mana-mana liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini.

4. PENJAGAAN MUNASABAH

Pihak Yang Diinsuranskan mestilah melaksanakan penjagaan munasabah yang sewajarnya dan mencegah daripada Kemalangan, Kecederaan, Penyakit, kehilangan, kerugian atau kerosakan pada sepanjang masa.

5. SALAH NYATAAN / PENIPUAN

Polisi ini boleh terbatal sekiranya berlaku salah nyata, penerangan yang salah, kesilapan, tertinggal atau tidak mendedahkan fakta oleh Pihak / Orang Yang Diinsuranskan, yang mana Pihak / Orang Yang Diinsuranskan tahu atau sepatutnya telah mengetahui sebagai tidak benar, mengelirukan atau berkaitan atau yang mungkin telah mempengaruhi pertimbangan penanggung insurans yang berhemat (termasuk Syarikat) dalam menentukan premium yang perlu dibayar dan / atau menentukan jika risiko sepatutnya diterima, dengan atau tanpa niat untuk menipu Syarikat.

6. TUNTUTAN

Sekiranya berlaku tuntutan, Pihak Yang Diinsuranskan hendaklah:

- (a) memaklumkan kepada AmGeneral Insurance Berhad secara bertulis secepat mungkin walau dalam apa jua keadaan tidak lewat daripada tiga puluh satu (31) hari daripada tarikh kemalangan / kejadian.
- (b) menyediakan dokumen-dokumen, maklumat dan bukti sebagaimana mungkin diperlukan oleh AmGeneral Insurance Berhad atas perbelanjaan Pihak Yang Diinsuranskan.
- (c) dalam hal kehilangan atau kerosakan kepada bagasi, notis serta-merta secara bertulis mestilah diberikan kepada Polis, syarikat pengangkutan dan pihak berkuasa lain mengikut keadaan dan dalam hal yang membabitkan syarikat penerbangan 'Property Irregularity Report' adalah diperlukan.
- (d) sekiranya berlaku Kehilangan Wang dan / atau Dokumen Perjalanan, kehilangan mestilah dilaporkan kepada Polis dalam masa dua puluh empat (24) jam dari masa kejadian dan laporan Polis diperlukan.

7. HAK-HAK SYARIKAT SELEPAS TUNTUTAN

Syarikat hendaklah dimaklumkan untuk menjalankan di atas nama dan bagi pihak Pihak Yang Diinsuranskan pembelaan atau penyelesaian sebarang tindakan undang-undang dan membuat prosiding atas perbelanjaannya sendiri dan untuk faedahnya sendiri tetapi di atas nama Pihak Yang Diinsuranskan bagi mendapatkan pampasan daripada mana-mana pihak ketiga berhubung dengan apa-apa sahaja yang dilindungi oleh Polisi ini. Sekiranya berlaku kematian Pihak Yang Diinsuranskan, Syarikat berhak untuk mengadakan post-mortem atas perbelanjaannya sendiri.

8. SUMBANGAN

Jika berlakunya kerugian, kerosakan atau liabiliti di bawah Polisi ini dan terdapat insurans lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, Syarikat hanya akan membayar perkadarannya yang setimpal.

9. TIMBANG TARA

Jika terdapat sebarang pertikaian yang timbul terhadap jumlah yang akan dibayar di bawah Polisi ini (liabiliti sebaliknya diakui), pertikaian tersebut akan dirujuk kepada penimbang tara yang dilantik oleh kedua-dua pihak selaras dengan peruntukan berkanun yang sedang berkuat kuasa. Di mana sebarang pertikaian adalah melalui syarat ini yang akan dirujuk kepada timbang tara dalam membuat award hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana hak atau tindakan terhadap Syarikat.

10. PREMIUM (DIGUNAPAKAI UNTUK PELAN SATU PERJALANAN)

Bayaran balik premium tidak dibenarkan sebaik sahaja Polisi / Sijil Insurans dikeluarkan.

11. PEMBATALAN (DIGUNAPAKAI UNTUK PELAN PERJALANAN / POLISI TAHUNAN)

Syarikat boleh membatalkan atau menamatkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis selama tujuh (7) hari melalui surat berdaftar kepada Pihak Yang Diinsuranskan / Pemegang Polisi di alamatnya yang terakhir sekali diketahui oleh Syarikat dan dalam keadaan sedemikian akan memulangkan kepada Pihak Yang Diinsuranskan / Pemegang Polisi premium yang telah dibayar ditolak bahagian pro-rata daripadanya bagi tempoh Polisi ini yang telah berkuatkuasa. Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pihak Yang Diinsuranskan / Pemegang Polisi atas notis bertulis selama tujuh (7) hari kepada Syarikat dan dalam keadaan ini Pihak Yang Diinsuranskan / Pemegang Polisi akan berhak menerima pemulangan ditolak premium pada kadar jangka pendek bagi tempoh Polisi yang telah berkuatkuasa.

12. HAD UMUR

Umur Pihak Yang Diinsuranskan tidak boleh kurang daripada tiga puluh (30) hari atau lebih daripada lapan puluh (80) tahun.

PERUBAHAN DAN PENAMBAHAN ENDORSMEN
(Tidak Termasuk Dalam Polisi Melainkan Dinyatakan Dalam Jadual)

PERLINDUNGAN KEGANASAN (kecuali akibat penggunaan senjata Nuklear, Kimia atau Biologi pemusnah besar-besaran)

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian, hilang upaya dan kerugian yang timbul akibat daripada tindakan Keganasan kecuali Keganasan akibat semata-mata daripada penggunaan senjata Nuklear, Kimia atau Biologi pemusnah besar-besaran walaupun bagaimanapun ia disebarkan atau digabungkan.

Untuk tujuan klausa ini:

- a) Keganasan bermaksud satu perbuatan, atau tindakan mana-mana individu, atau kumpulan individu, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan seumpamanya dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan / atau untuk membuatkan orang awam, atau mana-mana bahagian awam berada dalam ketakutan. Keganasan boleh termasuk, tetapi tidak terbatas kepada penggunaan sebenar kekerasan atau keganasan dan / atau ancaman penggunaan sedemikian. Tambahan pula mereka yang melakukan Keganasan boleh bertindak sama ada secara sendirian, atau bagi pihak, atau bersangkut-paut dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan.
- b) Penggunaan senjata Nuklear pemusnah besar-besaran bermaksud penggunaan sebarang bahan letupan senjata nuklear atau peranti atau pemancaran, pelepasan, penyebaran, pembebasan atau pelancaran bahan boleh belah yang memancarkan tahap radioaktif yang berupaya menyebabkan kelumpuhan atau kematian di kalangan manusia atau haiwan.
- c) Penggunaan senjata Kimia pemusnah besar-besaran bermaksud pemancaran, pelepasan, penyebaran, pembebasan atau pelancaran sebarang sebatian kimia pepejal, cecair atau bergas yang apabila disebarkan sepenuhnya berupaya menyebabkan kelumpuhan atau kematian di kalangan manusia atau haiwan.
- d) Penggunaan senjata Biologi pemusnah besar-besaran bermaksud pemancaran, pelepasan, penyebaran, pembebasan atau pelancaran sebarang mikroorganisma patogenik (yang menghasilkan penyakit) dan / atau secara biologi menghasilkan toksin (termasuk organisma yang diubahsuai genetik dan mensintesis toksin secara kimia) yang berupaya menyebabkan kelumpuhan atau kematian di kalangan manusia atau haiwan.

NOTIS PENTING

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika Polisi / perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah memberitahu kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembedulan sewajarnya.
2. Pihak Diinsuranskan yang kurang berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Syarikat, boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan atau melayari Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:
 - (a) Unit Pengendalian Aduan
AmGeneral Insurance Berhad
Menara Shell
No. 211, Jalan Tun Sambanthan
50470 Kuala Lumpur
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur
50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2268 3333
Faks : +603-2268 2222
 - (b) Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur.
Tel : +603-2272 2811
Faks : +603-2272 1577
 - (c) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Tingkat Bawah, Blok C
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel : 1300 88 5465
Faks : +603-2174 1515